



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2000/2001

September/Okttober 2000

**ESA 201 – Proses Rawak Kejuruteraan Aeroangkasa**

Masa : [3 Jam]

---

**ARAHAN KEPADA CALON :**

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA (5)** mukasurat bercetak dan **ENAM (6)** soalan.
2. Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.
3. Agihan markah bagi setiap soalan diberikan di sisi sebelah kanan.
4. Jawab semua soalan dalam Bahasa Melayu.
5. Mesin kira boleh digunakan.

-2-

1. (a) Jika  $f(x,y)$  ialah fungsi kebarangkalian bercantum bagi dua pembolehubah rawak selanjar,  $X$  dan  $Y$ , nyatakan dua ciri penting bagi fungsi tersebut. Seterusnya takrifkan juga fungsi kebarangkalian sut bagi  $X$ .
- [5 markah]
- (b) Katakan  $X$  dan  $Y$  ialah dua pembolehubah rawak yang menunjukkan tekanan dan kelajuan sebuah pesawat di udara pada satu masa tertentu. Fungsi bercantum  $X$  dan  $Y$  diberi sebagai,

$$f(x, y) = \begin{cases} 2k & , \quad |x| < y, \quad 0 < y < 1 \\ 0 & , \quad \text{nilai lain} \end{cases}$$

dan  $k$  ialah sebarang nilai malar.

Carilah,

- (i) nilai  $k$  supaya  $f(x,y)$  adalah benar-benar fungsi kebarangkalian bercantum;
- (ii) fungsi sut bagi kelajuan pesawat ;
- (iii) min dan varians bagi kelajuan pesawat;
- (iv) jika diberi min bagi tekanan adalah sifar, dapatkan kovarians bagi tekanan dan kelajuan pesawat. Adakah tekanan dan kelajuan merupakan dua pembolehubah bebas?. Berikan alasan anda.
- (v) kebarangkalian tekanan melebihi 0.5psi diberi kelajuan pesawat pada masa itu 0.75km/s.

[15 markah]

2. (a) Jika  $f(x,y)$  ialah fungsi kebarangkalian bercantum bagi dua pembolehubah rawak diskrit,  $X$  dan  $Y$ , takrifkan fungsi kebarangkalian sut bagi  $X$  dan fungsi kebarangkalian sut bagi  $Y$ . Takrifkan juga fungsi kebarangkalian  $Y$  diberi  $X$  dan nyatakan bagaimana perhubungannya jika  $X$  dan  $Y$  itu adalah dua pembolehubah rawak bebas.
- [5 markah]
- (b) Katakan  $X$  ialah bilangan penerbangan pesawat MAS Boeing 737 dari KLIA ke Kuching, Sarawak dan  $Y$  ialah bilangan kerosakan enjin yang berlaku pada pesawat tersebut. Fungsi bercantum  $X$  dan  $Y$  diberi sebagai,

$$f(x,y) = k + 0.01x + 0.04y \text{ bagi } x = 0,1,2,3,4 \text{ dan } y = 0,1$$

dan  $k$  adalah sebarang nilai malar.

.../3

-3-

Carilah,

- (i) nilai  $k$  supaya  $f(x,y)$  benar-benar fungsi kebarangkalian;
- (ii) fungsi sut bagi bilangan penerbangan dan fungsi sut bagi bilangan kerosakan;
- (iii) min bagi bilangan penerbangan dan min bagi bilangan kerosakan;
- (iv) kovarians bagi  $X$  dan  $Y$ ;
- (v) kebarangkalian bilangan penerbangan tidak kurang daripada 2 kali diberi bilangan kerosakan hanya sekali sahaja.

[15 markah]

3. (a) Berikan takrifan bagi suatu proses rawak,  $X(t)$ , yang dikatakan proses Markov. Adakah proses ini selanjar atau diskrit?

Jika  $P_t$  ialah suatu matriks peralihan, berikan takrifan dan nyatakan dua sifat matriks peralihan tersebut.

[5 markah]

- (b) Katakan pergerakan sebuah satelit yang mempunyai beban bayar 150kg. di orbit GEO mengikut proses rawak perjalanan mudah dengan kedudukan satelit tersebut mungkin berada pada keadaan  $\{-2, -1, 0, 1, 2\}$ . Jika pada masa  $t$ , satelit itu berada pada keadaan  $i$  ( $i = -1, 0, 1$ ), maka pada masa  $t+1$ , satelit itu akan berada pada keadaan  $i-1$  atau  $i+1$  dengan kebarangkalian yang sama. Jika pada masa  $t$ , satelit itu berada pada keadaan  $-2$  atau  $2$ , maka pada masa  $t+1$ , satelit itu mungkin akan berada pada keadaan  $-1$ ,  $0$ , atau  $1$  juga dengan kebarangkalian yang sama.

- (i) Tentukan matriks peralihan bagi proses rawak tersebut;
- (ii) Jika pada masa tertentu, satelit itu berada pada keadaan  $(0.2, 0.2, 0, 0.3, 0.3)$ , tentukan kebarangkalian satelit itu berada pada masa  $t=3$ ;
- (iii) Tentukan taburan keseimbangan satelit itu di orbit.

[15 markah]

4. (a) Jika  $P_j^{(t)} = p(X_t = j)$  ialah kebarangkalian proses berada dalam keadaan  $j$  pada masa  $t$  dan  $\underline{P}^{(t)}$  ialah taburan kebarangkalian keadaan yang dihuni pada masa  $t$ , tunjukkan bahawa  $\underline{P}^{(t)} = \underline{P}^{(0)} \underline{P}^t$ ,  $\forall t \geq 0$ , dengan  $\underline{P}^{(0)}$  ialah taburan awal dan  $\underline{P}$  ialah matriks peralihan.

[5 markah]

-4-

- (b) Mengikut ahli Psikologi, seorang Jurutera Aeroangkasa yang bertanggungjawab merekabentuk sebuah kapal angkasa Malaysia yang pertama MYSAT akan berubah perasaan terhadap keluarganya dalam keadaan *0: ceria*, *1: pendiam* dan *2: marah*, bergantung kepada bebanannya semasa bekerja. Perasaan Jurutera ini diperhatikan oleh ahli Psikologi pada satu tempoh tertentu dan ia mendapati matriks peralihan perasaan Jurutera tersebut adalah seperti yang berikut:

$$P = \begin{bmatrix} 0.6 & 0.2 & 0.2 \\ 0.3 & 0.4 & 0.3 \\ 0.0 & 0.3 & 0.7 \end{bmatrix}$$

Tentukan taburan keseimbangan bagi keadaan perasaan jurutera tersebut pada satu tempoh yang tak terhingga.

[15 markah]

5. (a) Jika  $X(t)$  dan  $X(s)$  ialah dua proses rawak selanjar yang tak bersandar dengan fungsi ketumpatan kebarangkalian masing-masing  $f(X(t))$  dan  $f(X(s))$ , berikan takrifan yang berikut:

- (i)  $\min X(t), \mu(t)$ ;
- (ii)  $\min X(s), \mu(s)$ ;
- (iii) autokorelasi,  $R_X(t,s)$ ;
- (iv) autokovarians,  $Cov_X(t,s)$ ;
- (v) pekali korelasi,  $\rho_X(t,s)$ .

[5 markah]

- (b) Katakan  $X(t) = A \cos(\omega_0 t + \theta)$  ialah suatu proses rawak dengan  $A$  dan  $\omega_0$  adalah sebarang nilai malar, dan  $\theta$  ialah satu pembolehubah rawak tertabur secara seragam dengan fungsi,

$$f(\theta) = \begin{cases} k & , 0 \leq \theta \leq 2\pi \\ 0 & , \text{nilai lain} \end{cases}$$

- (i) Proses rawak ini ialah suatu proses diskrit atau selanjar?;
- (ii) Tentukan nilai  $k$  supaya  $f(\theta)$  benar-benar fungsi ketumpatan kebarangkalian;

.../5

-5-

- (iii) Tunjukkan bahawa proses rawak tersebut adalah suatu proses rawak pegun secara meluas;
- (iv) Tentukan juga autokovarians dan pekali korelasi proses rawak  $X(t)$ ;
- (v) Apakah kuasa purata proses rawak tersebut?.

[15 markah]

6. (a) Jika  $X(t)$  ialah satu proses rawak selanjar pegun secara meluas, nyatakan,

- (i)  $\min X(t)$ ;
- (ii) autokorelasi  $X(t)$ ;
- (iii) autokovarians  $X(t)$ ;
- (iv) pekali korelasi  $X(t)$ .

[5 markah]

(b) Katakan  $X(t) = A \sin(\omega_0 t + \theta)$  ialah suatu proses rawak dengan  $\omega_0$  adalah sebarang nilai malar,  $A$  dan  $\theta$  ialah dua pembolehubah rawak bebas. Pembolehubah rawak  $A$  tertabur secara seragam dari 0 ke 10 dan pembolehubah rawak  $\theta$  tertabur secara seragam dari 0 ke  $\pi$ .

- (i) Proses rawak ini ialah suatu proses diskrit atau selanjar?;
- (ii) Tentukan sama ada proses rawak tersebut adalah suatu proses rawak pegun secara meluas atau tidak?;
- (iii) Tentukan juga fungsi autokorelasi bagi proses tersebut;
- (iv) Seterusnya, dapatkan kuasa purata proses rawak tersebut?.

[15 markah]

oooOOOooo